

**PERATURAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PENDIDIKAN KHAS  
PERINGKAT KEBANGSAAN.**

**1. PENDAHULUAN**

Kecemerlangan pendidikan sentiasa menjadi agenda utama bagi Kementerian Pendidikan Malaysia. Tuntutan untuk menyediakan pentas pendidikan atas prinsip kesamarataan juga menjadi tanggungjawab dan memastikan murid-murid istimewa di seluruh negara mencapai tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang di semua program yang dilaksanakan. Majlis Tilawah Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan dijalankan kerana aktiviti kokurikulum merupakan satu landasan ke arah kecemerlangan kurikulum. Disamping itu, ianya juga memberi peluang kepada murid-murid istimewa daripada kepelbagaian kategori mempertingkatkan potensi diri dan sahsiah bagi memenuhi tuntutan rohani. Melalui aktiviti ini, murid-murid berkeperluan khas akan dapat turut serta di dalam pertandingan sama seperti pelajar-pelajar normal yang lain di peringkat kebangsaan.

**2. TUJUAN**

Mendedahkan murid-murid Berkeperluan Khas kepada aspek-aspek keagamaan selaras dengan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Khas.

**3. OBJEKTIF**

- 3.1 Mencungkil bakat murid-murid Berkeperluan Khas dalam aktiviti hafazan, tilawah, bercerita kisah nabi, azan, nasyid dan khat jawi.
- 3.2 Memberi peluang kepada murid-murid Berkeperluan Khas untuk menampilkan kecemerlangan potensi individu di peringkat tertinggi aktiviti kokurikulum.
- 3.3 Meningkatkan hubungan silaturahim antara warga Pendidikan Khas.
- 3.4 Menerapkan budaya kesenian Islam dalam diri murid-murid Berkeperluan Khas.

**4. SASARAN**

Semua murid-murid Berkeperluan Khas

5. **BILANGAN PENYERTAAN :**

Aktiviti	Kategori	Peserta		Pegawai Kontinjen
		Lelaki	Perempuan	
Tilawah Al-Quran	BP Rendah	1	1	12 orang ( termasuk Ketua Kontinjen )
	BP Menengah	1	1	
	BL Rendah	1	1	
	BL Menengah	1	1	
Hafazan Al-Quran	BP Rendah	1	1	
	BP Menengah	1	1	
	BL Rendah	1	1	
	BL Menengah	1	1	
Bercerita Kisah Nabi	BP Rendah	1	1	
	BP Menengah	1	1	
	BD Rendah	1	1	
	BD Menengah	1	1	
Azan Subuh	BP Rendah	1	-	
	BP Menengah	1	-	
	BL Rendah	1	-	
	BL Menengah	1	-	
Khat Jawi	BD Rendah	1	1	
	BD Menengah	1	1	
	<b>JUMLAH</b>	<b>32 orang</b>		

## KELAYAKAN DAN HAD UMUR PESERTA

- 6.1 Murid-murid yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 1997 di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia **LAYAK** menyertai kejohanan anjuran Bahagian Pendidikan Khas.
- 6.2 Ketetapan peserta-peserta bagi Majlis Tilawah al Quran di peringkat kebangsaan adalah seperti berikut:
- 6.2.1 Kategori Rendah (**7 tahun – 12 tahun +2 tahun di sekolah rendah**)
  - 6.2.2 Kategori Menengah (**13 tahun – 17 tahun +2 tahun di sekolah menengah**)
- 6.3 Kiraan umur adalah dikira berdasarkan tahun kelahiran dalam tahun program itu diadakan .
- Contoh :**
- a. *Lahir pada dan selepas 1994 layak menyertai kategori rendah pada pertandingan yang diadakan pada tahun 2008.*
  - b. *Lahir 1989 hingga 1993 layak menyertai kategori menengah pada pertandingan yang diadakan pada tahun 2008.*
- 6.4 Seseorang peserta hanya dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kategori sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama kecuali sesuatu ketetapan khas dilakukan.
- 6.5 Selain daripada yang disebutkan seseorang peserta **dibenarkan** menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.
- 6.6 Setiap individu peserta hendaklah bersedia menunjukkan **kad pengenalan** atau **Kad OKU yang asal sahaja** untuk pemeriksaan oleh pihak jawatankuasa pengelola pertandingan sebelum pertandingan dijalankan. **Kegagalan menunjukkan dokumen tersebut menyebabkan individu peserta tersebut dihalang dari menyertai pertandingan. Senarai nama peserta hendaklah diperaku oleh pihak sekolah (akan merujuk kepada EMIS)**

## 7. BANTAHAN

- 7.1 Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dalam tempoh 1 jam selepas pertandingan.
- 7.2 Segala masalah dari segi kelayakan dan status peserta hendaklah diselesaikan 1 jam sebelum pertandingan bermula.
- 7.3 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Tiga Ratus Sahaja) secara tunai. Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.
- 7.4 Keputusan Jawatankuasa Bantahan akan dibuat secara bertulis dan keputusan adalah muktamad.
- 7.5 Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan terdiri daripada :
  - 7.5.1 Penolong Pengarah Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral BPKhas KPM.
  - 7.5.2 Penolong Pengarah Kokurikulum BPKhas KPM.
  - 7.5.3 Setiausaha Jawatankuasa Pengelola.
  - 7.5.4 Pengerusi Jawatankuasa Teknik Kokurikulum Pendidikan Khas.
  - 7.5.5 Tiga orang Ketua Kontinjen Negeri yang berkecuali.

## 8. JURI RAYUAN

- 8.1 Juri Rayuan terdiri daripada :
  - 8.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Induk/Wakil BPKhas.
  - 8.1.2 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola/Wakil.
  - 8.1.3 Pengerusi Jemaah Hakim/Wakil.
  - 8.1.4 Tiga Ketua Kontinjen Negeri yang tidak terlibat dengan bantahan.

**\* Setiap peserta perlu menghantar soft copy atau skrip bertaip yang mengandungi skrip cerita sebelum pertandingan kepada pihak penganjur.**

**\* Setiap perubahan pada peraturan pertandingan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Induk.**

## **Tilawah Al-Quran Bagi Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Rendah dan Menengah Peringkat Kebangsaan.**

### **1. Peraturan Tilawah al-Quran**

1.1 Bilangan peserta bagi Tilawah al-Quran dihadkan kepada lapan orang bagi tiap-tiap negeri. Iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan sekolah rendah bagi mewakili Masalah Pembelajaran dan Masalah Penglihatan. Seorang lelaki dan seorang perempuan sekolah menengah bagi mewakili kategori Masalah Pembelajaran dan Masalah Penglihatan.

1.1.1 Sekiranya berlaku keuzuran (syar'i) bagi peserta perempuan bahagian rendah atau menengah boleh digantikan oleh peserta simpanan yang didaftarkan pada hari pertandingan dimulakan mengikut ketetapan pihak penganjur.

\* Perlu diambil kira tambahan peserta simpanan (pengganti) dalam jumlah kontinjen.

1.1.2 Tidak ada johan menunggu bagi peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Peserta hendaklah direhatkan selama setahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya selepas mendapat tempat pertama tiga kali berturut-turut dalam Majlis Tilawah al-Quran Pendidikan Khas Kebangsaan.

### 1.2 Syarat-syarat Peserta

1.2.1 Terbuka kepada semua murid sekolah rendah dan menengah Bermasalah Pembelajaran dan Bermasalah Penglihatan.

1.2.2 Peserta hendaklah membaca salah satu daripada ayat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat Tilawah al-Quran.

1.2.3 Peserta dikehendaki membaca ayat-ayat yang ditentukan melalui undi. Peserta tidak dibenarkan menukar ayat-ayat yang telah diundi. **Sekiranya peserta itu menukarkan ayat undian tersebut atau tersalah ayat, penyertaan akan terbatal dan tiada pemarkahan.**

1.2.4 Peserta digalakkan menyertai satu acara sahaja. **Maksimum dua acara.**

### 1.3 Pengundian

- 1.3.2 Undian bagi menentukan giliran dan ayat-ayat yang akan dibaca oleh peserta akan diadakan sekurang-kurangnya seminggu sebelum hari pertandingan atau mengikut ketetapan Jawatankuasa Penganjur.

### 1.4 Masa Bacaan

- 1.4.2 Masa bacaan bagi setiap peserta ialah lapan minit.  
1.4.3 Bacaan yang melebihi lapan minit tidak akan diberi markah.  
1.4.4 Peserta boleh membaca seberapa banyak ayat asalkan tidak melebihi lapan minit.

### 1.5 Pakaian Peserta

- 1.5.2 Peserta lelaki dikehendaki memakai pakaian kebangsaan yang lengkap (bersamping dan bersongkok).  
1.5.3 Peserta perempuan dikehendaki memakai baju kurung dan bertudung yang sempurna.
- Kostium yang tidak keterlaluan

## 2. Cara Penghakiman

- 2.1 Penghakiman Tilawah al-Quran dibahagikan kepada empat bahagian dengan pecahan markah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Markah</b>
1	Tajwid	40
2	Suara	15
3	Fasahah	20
4	Lagu/Taranum	25
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

- 2.2 Tilawah al-Quran ini dihakimi oleh satu jemaah hakim seramai lapan orang dengan diketuai oleh seorang hakim tilawah yang dilantik.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jum.Hakim</b>
1	Tajwid (Ketua)	2
2	Suara	2
3	Fasahah	2
4	Lagu/Taranum	2

Jemaah Hakim ini dibantu oleh seorang penjaga masa dan seorang jurukira.

### **3. Tugas-tugas Jemaah Hakim**

#### **3.1 Tugas Pengerusi Jemaah Hakim**

Pengerusi Jemaah Hakim adalah Ketua Hakim untuk mengatur serta mentadbirkan cara penghakiman yang lengkap dan memastikan ia dijalankan dengan amanah dan rahsia. Keputusan Jemaah Hakim adalah Muktamad. Di antara tugas-tugas yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

##### **3.1.1 Menyediakan:**

- 3.1.1.1 Borang Markah.
- 3.1.1.2 Borang-borang Penghakiman yang disatukan.
- 3.1.1.3 Borang-borang keputusan.
- 3.1.1.4 Borang daftar markah.

##### **3.1.2 Menyediakan kertas-kertas undi iaitu :**

- 3.1.2.1 Undi ayat.
- 3.1.2.2 Undi giliran.

##### **3.1.3 Menyediakan ayat tilawah yang akan dibaca oleh peserta dengan cara undi.**

##### **3.1.4 Sentiasa berada di tempat penghakiman dan mengawasi kerja para hakim supaya berjalan dengan teratur dan lancar.**

##### **3.1.5 Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim mengenai butir-butir yang perlu, sebelum majlis tilawah dijalankan.**

##### **3.1.6 Menentukan tugas-tugas hakim mengikut bahagian-bahagian yang dihakimi.**

- 3.1.7 Melantik hakim pengganti bagi hakim yang tidak dapat hadir atau uzur.
- 3.1.8 Mengesah dan menandatangani borang penghakiman dan keputusan tilawah.
- 3.1.9 Melantik jurukira bertugas untuk menjumlahkan markah-markah setiap peserta dan seterusnya menyediakan keputusan akhir.
- 3.1.10 Mengistiharkan keputusan majlis tilawah al-Quran.

#### **4. Tugas Hakim Bahagian**

##### 4.1 Bahagian Tajwid (40 markah)

###### 4.1.1 Tugas Bahagian Hakim Tajwid

Hakim Tajwid hendaklah mengawasi semua hukum-hukum tajwid dan menilai, di-  
antaranya perkara-perkara berikut :

- 4.1.1.1 Hukum nun sakinah dan tanwin.
- 4.1.1.2 Hukum mim sakinah.
- 4.1.1.3 Sebutan makhraj dan sifat-sifat huruf.
- 4.1.1.3 Hukum nun dan mim tasydid.
- 4.1.1.4 Hukum ra' dan lam.
- 4.1.1.5 Hukum bacaan Basmallah dan Isti'azah.
- 4.1.1.6 Wajibal Ghunnah.

###### 4.1.2 Ciri Keistimewaan Bertajwid:

- 4.1.2.1 Kesempurnaan sifat-sifat Ghunnah.
- 4.1.2.2 Pemilihan wajah yang aul.
- 4.1.2.3 Pembinaan kadar hukum mad yang sejenis.

#### ***Perhatian***

***Ciri keistimewaan tersebut hendaklah ditentukan kesalahannya di dalam perbincangan antara hakim-hakim tajwid yang berkenaan sebelum majlis tilawah dijalankan.***



#### 4.1.3 Ciri – Ciri Kesalahan

Ciri-ciri kesalahan yang pernah berlaku dalam bidang tajwid kecuali wakaf dan ibtida'. **Kesalahan yang jelas** dipotong dua markah dan **kesalahan yang kurang jelas** dipotong satu markah. Kesalahan yang kurang jelas dipotong setiap **satu kesalahan satu markah** hingga **kepada lima kali kesalahan berulang**.

#### 4.2 Bahagian Fasohah ( 20 markah )

##### 4.2.1 Fasohah dan Pengertiannya.

4.2.1.1 Fasohah ialah kesempurnaan tartil al-Quran.

4.2.1.2 Fasohah dalam bidang bacaan al-Quran adalah berbeza dari fasohah dalam bahasa Arab, kerana ianya lebih tinggi dan lebih kompleks penilaiannya.

4.2.1.3 Kefasihan membaca al-quran, bererti kesempurnaan bacaan yang dapat melahirkan seni bertajwid yang bertaraf mukjizat.

4.2.1.4. Oleh yang demikian ciri-ciri penilaian fasohah adalah memerlukan kepakaran dan kemahiran yang secukupnya.

##### 4.2.2 Tugas Hakim Bahagian Fasohah

4.2.2.1 Cermat dalam melafazkan kalimah-kalimah al-Quran.

4.2.2.2 Fasih dalam sebutan huruf-huruf al-Quran.

4.2.2.3 Terpelihara susunan kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran.

4.2.2.4 Kesempurnaan dan ketepatan wakaf Ibtida'.

4.2.2.5 Ketepatan membunyikan baris atas, baris bawah dan baris depan.

4.2.2.6 Kesederhanaan pada membunyikan huruf-huruf sukun dan huruf tasydid.

4.2.2.7 Kelancaran dan kelembutan pada membaca kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran.

4.2.2.8 Kesederhanaan dan keselarasan pada masa dan rentak bacaan tanpa bercampur aduk antara tartil dan tadwir.

#### 4.2.3 Ciri-ciri Keistimewaan Fasahah:

- 4.2.3.1 Bacaan berlahjah Arab.
- 4.2.3.2 Bacaan cermat.
- 4.2.3.3 Bacaan yang dapat mengikut kesesuaian ayat.
- 4.2.3.4 Memilih wakaf Jibril.

#### **Perhatian**

***Ciri-ciri keistimewaan tersebut hendaklah ditentukan keselarasannya dalam satu perbincangan antara hakim-hakim berkenaan, sebelum Majlis Tilawah dijalankan.***

#### 4.2.4 Ciri-ciri kesalahan dalam bidang Fasahah:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Pemotongan markah</b>
1	Meninggal atau melangkau ayat penuh.	Setiap kesalahan dipotong 3 markah
2	Menambah atau mengurang kalimah.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
3	Menambah atau mengurang huruf.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
4	Wakaf dan Ibtida' yang merosakkan maksud ayat.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
5	Bertukar baris yang merosakkan maksud ayat.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
6	Wakaf dan Ibtida' yang tidak tepat.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
7	Bertukar baris atau tidak tepat membunyikan baris.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
8	Bacaan yang tersekat atau teragak-agak.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
9	Bacaan yang terputus nafas atau mencuri nafas.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

#### 4.3 Bidang Tarannum ( 25 markah)

##### 4.3.1 Ciri-ciri Keistimewaan Bidang Tarannum

- 4.3.1.1 Setiap tarannum yang melebihi empat harakat serta menarik.

4.3.1.2 Setiap persembahan bacaan yang melebihi tiga tarannum dalam keadaan bersesuaian serta menarik.

4.3.1.3 Setiap tarannum yang dialunkan mengikut lahjah Arab yang menarik.

4.3.1.4 Setiap tarannum harakat yang diberi penyesuaian dengan kehendak ayat yang dibaca.

4.3.1.5 Setiap tarannum yang digunakan menerusi empat tobaqah yang sempurna.

4.3.1.6 Setiap harakat yang mempunyai wuslah mumasalah yang menarik.

4.3.1.7 Setiap harakat yang mempunyai ikhtilal allahnu yang menarik.

4.3.1.8 Setiap persembahan yang mempunyai teknik yang menarik.

#### 4.3.2 Ciri-ciri Kesalahan yang berlaku dalam Bidang Tarannum

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Pemetongan markah</b>
1	Kurang dari 3 jenis tarannum	Setiap kesalahan dipotong 3 markah
2	Kurang dari 4 harakat pada setiap tarannum	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
3	Tidak dapat mengawal mahattah atau Qit'ah	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
4	Terdapat sumbang alunan yang merosakkan.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
5	Susunan tarannum atau harakat yang tidak bersesuaian	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
6	Terdapat unsur takrir pada harakat	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
7	Terdapat kekasaran pada harakat	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
8	Setiap tarannum yang tidak disempurnakan dalam tiga tobaqah	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
9	Setiap tarannum yang bercampur aduk	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
10	Tarannum penutup tidak sama dengan tarannum pembukaan	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
11	Tidak sempat kembali kepada tarannum penutup dalam tempoh masa	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
12	Menamatkan bacaan sebelum tempoh	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

**Perhatian**

***Jika berpanjangan atau berulang pada tiap-tiap satu kesalahan tersebut maka hendaklah dipotong pemarkahannya tidak melebihi 5 markah.***

4.4 Tugas hakim bahagian Suara (15 markah)

4.4.1 Hakim-hakim suara hendaklah mengawasi dan menilai perkara-perkara berikut;

4.4.1.2 Kebersihan suara.

4.4.1.2 Kelicinan suara.

4.4.1.3 Tingkatan suara (Tobaqah suara).

4.4.1.4 Ketepatan nada suara.

4.4.1.5 Kemanisan kelembutan dan kemerduan suara.

4.4.1.6 Kelantangan dan ketajaman suara.

4.4.1.7 Kekerapan burdah yang disusun rapi.

4.4.1.8 Pengawalan kualiti suara dari mula hingga akhir.

4.4.2 Ciri-ciri Keistimewaan Suara

4.4.2.1 Suara yang berlahjah Arab.

4.4.2.2 Suara yang merangkumi keempat tobaqah dengan selesa.

4.4.2.3 Suara yang bergerak dan hidup yang menarik.

4.4.2.4 Suara yang berterusan disamping nafas yang panjang.

4.4.3 Ciri-ciri kesalahan yang berlaku dalam bidang suara:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Pemotongan markah</b>
1	Suara serak/parau yang merosakkan.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
2	Suara sumbang yang merosakkan.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
3	Suara tenggelam.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
4	Suara pecah/terputus.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
5	Suara tersepit/tercekik.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
6	Suara bergetar kerana terlampau tinggi/rendah.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

7	Suara yang tidak cukup tiga tobaqah.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
8	Suara yang lemah.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
9	Suara yang keras/kaku.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
10	Suara yang berubah kualitasnya.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

***Perhatian***

***Jika berpanjangan atau berulang pada tiap-tiap kesalahan tersebut maka hendaklah dipotong markahnya tidak melebihi 5 markah.***

**Bahagian Tarannum ( 25 markah )**

Giliran Peserta   
Lelaki / perempuan  
Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Bacaan dari surah \_\_\_\_\_ Ayat \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_  
Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Tarannum dan harakatnya	Catatan kesalahan	Markah yg dipotong (22 m)	Keistimewaan dalam bidang lagu ( 3 markah )
1. Tarannum Arab Misri. Sekurangnya 3 Tarannum tanpa takrir (ulang ). 2. Setiap tarannum hendaklah disempurnakan secara teratur sekurangnya 4 harkat tanpa takrir. 3. Setiap tarannum hendaklah disempurnakan dalam 3 tobaqoh (rendah, sederhana dan tinggi) 4. Setiap tarannum hendaklah dibawa dengan teratur dan tersusun. 5. Setiap tarannum dan harkatnya hendaklah mempunyai gaya kelembutan alunan tanpa sumbang.			21 22 17 18 19 20 13 14 15 16 09 10 11 12 05 06 07 08 01 02 03 04	1. Lagu yang mempunyai lahjah Arab dan qita'ah yang menarik. 2. lagu mempunyai wuslah mumasalah yang menarik. 3. lagu yang mempunyai 4 tobaqah. 4. Mempunyai kecekapan lebih daripada 4 lagu. * Tandakan nombor berkaitan jika didapati satu keistimewaan dengan 1 markah.

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah keistimewaan  Jumlah

Perhatian :

1. Sekurangnya tiga lagu.
2. Tertinggal satu lagu dipotong 4 markah.
3. Tiap-tiap kesalahan dipotong satu markah.

.....  
( TANDATANGAN HAKIM )

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM )

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM )

**Bahagian Tajwid ( 40 markah )**

Giliran Peserta

Lelaki / perempuan

Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Bacaan dari surah \_\_\_\_\_ Ayat \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan kesalahan	Markah yg dipotong ( 37 mkh )	Keistimewaan ( 3 markah )
1. Hukum nun sakinah dan tanwin 2. Hukum mim sakinah. 3. Makraj dan sifat huruf. 4. Hukum nun dan mim tashdid. 5. Hukum ra dan lam 6. Hukum saktah, imalah dan abdal. 7. Hukum tajwid yang lain. 8. Riwayat hafs As-Syatibi 9. Hukum mad asli dan mad fari'e.		32 33 34 35 36 37  22 23 24 25 26 27 28 29 30 31  12 13 14 15 16 17 18 19 20 21  01 02 03 04 05 06 07 08 09 10 11	1. Dapat menyempurnakan riwayat dengan sempurna.  2. Dapat menyamai kadar mad.  3. Dapat menyempurnakan sifat ghunnah dengan tepat.  4. Memelihara wajah aula dengan tepat.  5. Sempurnakan sebutan huruf dan sifatnya.

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah keistimewaan  Jumlah

Perhatian :

- Satu kesalahan dipotong satu markah. ( TANDATANGAN HAKIM ) ( TANDATANGAN KETUA HAKIM )
- Markah istimewa diberi jika terdapat keistimewaan

( NAMA HAKIM )

( NAMA KETUA HAKIM )

**Bahagian suara ( 15 markah )**

Giliran Peserta

Lelaki / perempuan

Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Bacaan dari surah \_\_\_\_\_ Ayat \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan kesalahan	Markah yg dipotong (13 m)	Markah keistimewaan ( 2 markah )
1. Kebersihan suara. 2. Kelicinan suara 3. Tobaqah suara 4. Ketepatan nada suara 5. Kelembutan suara. 6. Kelantangan suara 7. Kekerapan burdah. 8. Pengawalan kualiti suara		08 09 10 11 12 13  01 02 03 04 05 06 07	1. Suara berlahjah Arab. 2. Kesempurnaan Tobaqah yang selesa. 3. Suara hidup / bergerak. 4. Suara yang mempunyai kemerduan

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah keistimewaan  Jumlah

**Perhatian :**

- Salah satu potong satu markah.
- Suara pecah, serak, tenggelam ketika rendah dan tersepit ketika tinggi.
- Gangguan suara dalam bacaan kerana Balgham, tidak putus ditengah jalan.
- Serak berpanjangan dipotong 2 markah.

.....  
(TANDATANGAN HAKIM)

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM)

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM)



**Bahagian Fasahah ( 20 markah )**

Giliran Peserta

Lelaki / perempuan

Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Bacaan dari surah \_\_\_\_\_ Ayat \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan kesalahan	Markah yg dipotong (17 m)	Markah keistimewaan ( 3 markah )
1. Cermat dalam bacaan. 2. Lancar sebutan huruf,lafaz dan ayat. 3. Terpelihara segala baris dan tashdid. 4. Salah wakaf dan ibtidak. 5. Terpelihara susunan ayat. 6. Terpelihara daripada bernafas dalam bacaan.		15 16 17  08 09 10 11 12 13 14  01 02 03 04 05 06 07	1. Bacaan menurut lahjah Arab yang tepat. 2. Bacaan yang mengikut kesesuaian ayat. 3. Dapat menyempurnakan ayat yang panjang dalam satu nafas.

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah keistemewaan  Jumlah

Perhatian :

1. Tidak cermat dalam bacaan.
2. Tidak lancar sebutan huruf dan lafaz
3. Baris tidak terpelihara.
4. Tidak jaga tempat waqaf dan ibtidak.
5. Tidak terpelihara susunan ayat.

.....  
( TANDATANGAN HAKIM)

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM )

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM )

**MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEPUTUSAN PENGHAKIMAN BAHAGIAN TILAWAH (LELAKI)**

**Kategori :** \_\_\_\_\_

BIL	NAMA	NEGERI	KRITERIA				PERATUS	KED
			TAJWID (40%)	TARANUM (25%)	FASOHAH (20%)	SUARA (15%)		
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								
11								
12								
13								
14								
15								
16								

**KETUA HAKIM :**

**PENGERUSI JEMAAH HAKIM**

\_\_\_\_\_  
( )

\_\_\_\_\_  
( )

**MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEPUTUSAN PENGHAKIMAN BAHAGIAN TILAWAH (PEREMPUAN)**

**Kategori :** \_\_\_\_\_

BIL	NAMA	NEGERI	KRITERIA				PERATUS	KED
			TAJWID (40%)	TARANUM (25%)	FASOHAH (20%)	SUARA (15%)		
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								
11								
12								
13								
14								
15								
16								

**KETUA HAKIM :**

**PENGERUSI JEMAAH HAKIM**

\_\_\_\_\_  
( )

\_\_\_\_\_  
( )

**Hafazan Al-Quran Bagi Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas  
Sekolah Rendah dan Menengah Peringkat Kebangsaan.**

**1. Peraturan Hafazan**

1.1 Bilangan peserta bagi Hafazan al-Quran dihadkan kepada lapan orang bagi tiap-tiap negeri. Iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan rendah bagi mewakili kategori Masalah Pembelajaran dan Masalah Penglihatan. Seorang lelaki dan seorang perempuan menengah bagi mewakili kategori Masalah Pembelajaran dan Masalah Penglihatan.

1.1.1 Sekiranya berlaku keuzuran (syar'i) bagi peserta perempuan bahagian rendah atau menengah boleh digantikan oleh peserta simpanan yang didaftarkan pada hari pertandingan dimulakan mengikut ketetapan pihak penganjur.

1.1.2 Tidak ada Johan Menunggu bagi peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

**1.2 Syarat-syarat Peserta**

1.2.1 Terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah Bermasalah Pembelajaran dan Bermasalah Penglihatan.

1.2.2 Peserta hendaklah menghafaz ayat-ayat lazim atau surah-surah yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

1.2.3 Peserta digalakkan menyertai satu acara sahaja.

**1.3 Bentuk ujian**

1.3.1 Setiap peserta diuji bacaan al-Quran secara hafaz dengan lisan melalui beberapa surah daripada ayat Lazim dan surah-surah yang telah ditetapkan, dengan mengambil kira hukum-hukum tajwid, fasahah dan suara.

1.3.2 Setiap peserta diwajibkan membaca surah al-Fatihah pada soalan pertama.

#### Contoh soalan

- i. Sila baca surah al-Fatihah.
- ii. Sila baca dari awal surah An-Nas
- iii. Sila sambung bacaan saya dari surah Yasin .....
- iv. Sila baca surah al-adhuha dari awal hingga akhir.

1.3.3 Sekiranya peserta gagal menyambung bacaan hakim Fatih/Munabih dalam kertas undi yang pertama ia diberi peluang menghafaz surah/ayat pilihan hakim Fatih/Munabih itu sekiranya masa belum tamat *lapan minit*. Sekiranya masa masih ada.

1.3.4 Sekiranya ia gagal juga meneruskan bacaan maka ujian kepadanya ditamatkan.

#### 1.4 Pemilihan Ayat

1.4.1 Setiap peserta akan mengundi dengan memilih satu sampul surat yang mengandungi ayat-ayat lazim atau potongan ayat yang ditetapkan. Kemudian menyerahkan kepada hakim munabih.

#### 1.5 Masa Bacaan

1.5.1 Setiap peserta dikehendaki menghafaz ayat-ayat lazim/surah yang ditentukan dalam jangka masa *lapan minit*.

1.5.2 Hakim Fatih/Munabih boleh menamatkan bacaan peserta pada bila-bila masa bagi setiap surah atau ayat.

#### 1.6 Bentuk Bacaan

Peserta dikehendaki menghafaz mengikut bacaan **Tadwir** sahaja.

#### 1.7 Pakaian Peserta

1.7.1 Peserta lelaki dikehendaki memakai pakaian kebangsaan yang lengkap (bersamping dan bersongkok).

1.7.2 Peserta perempuan dikehendaki berbaju kurung dan bertudung yang sempurna.

## 2. Cara Penghakiman

2.1 Penghakiman Hafazan al-Quran di bahagikan kepada tiga bahagian dengan pecahan markah seperti berikut :

Bil	Perkara	Markah
1	Hafaz dan lancar	40
2	Tajwid	30
3	Fasohah	20
4	Suara dan Gaya	10
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

2.1

Hafazan al-Quran ini dihakimi oleh satu jemaah hakim seramai lapan orang dengan diketuai oleh seorang hakim hafazan yang dilantik.

Bil	Perkara	Jum.Hakim
1	Hafaz dan lancar (K)	2
2	Tajwid	2
3	Fasohah	2
4	Suara dan Gaya	2
	<b>Jumlah</b>	<b>8</b>

Jemaah Hakim ini dibantu oleh seorang penjaga masa dan seorang jurukira.

## 3. Tugas-Tugas Jemaah Hakim

3.1 Tugas Pengerusi Jemaah Hakim

Pengerusi Jemaah Hakim adalah Ketua Hakim untuk mengatur serta mentadbirkan cara penghakiman yang lengkap dan memastikan ia dijalankan dengan amanah dan rahsia. Keputusan Jemaah Hakim adalah Muktamad. Di antara tugas-tugas yang akan dijalankan adalah seperti berikut :

3.1.1 Menyediakan

3.1.1.1 Borang Markah.

3.1.1.2 Borang-borang penghakiman yang disatukan.

3.1.1.3 Borang-borang keputusan.

3.1.1.4 Borang daftar markah.

3.1.2 Menyediakan kumpulan surah-surah daripada ayat-ayat lazim atau ayat-ayat tertentu dari surah-surah yang akan dikemukakan kepada peserta dan menentukan kumpulan surah-surah ini kepada peserta dengan cara undian.

3.1.3 Menyediakan kertas-kertas undi iaitu :

3.1.3.1 Undi ayat.

3.1.3.2 Undi giliran

3.1.4 Menyediakan ayat Tilawah yang akan dibaca oleh peserta dengan cara undi.

3.1.5 Sentiasa berada di tempat penghakiman dan mengawasi kerja para hakim supaya berjalan dengan teratur dan lancar.

3.1.6 Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim mengenai butir-butir yang perlu, sebelum ujian dijalankan.

3.1.7 Menentukan tugas-tugas hakim mengikut bahagian-bahagian yang dihakimi.

3.1.8 Melantik hakim pengganti bagi hakim yang tidak dapat hadir atau uzur.

3.1.9 Mengesah dan menandatangani borang penghakiman dan keputusan tilawah.

3.1.10 Melantik jurukira bertugas untuk menjumlahkan markah-markah setiap peserta dan seterusnya menyediakan keputusan akhir.

3.1.11 Mengisytiharkan keputusan Majlis Tilawah Al-Quran.

### 3.2 Tugas Fatih

3.2.1 Menjemput peserta mengambil undi. Satu sampul surat yang berisi ayat-ayat lazim atau beberapa ayat dari surah yang telah disediakan.

3.2.2 Membuka sampul surat yang dipilih oleh peserta dan membacakan soalan yang terdapat di dalam sampul surat tersebut.

3.2.3 Memberi peluang kepada peserta untuk menghafaz ayat atau surah pilihan Fatih sekiranya peserta gagal menghafaz ayat sekiranya masa masih ada.

### 3.3 Tugas Munabah

3.3.1 Menegur peserta yang tersalah baca, sama ada baris, kalimah, ayat atau terlangkau ayat.

3.3.2 Menegur peserta yang membaca tidak mengikut bentuk tadwir.

3.3.3 Membaca sebahagian ayat kepada peserta yang terlupa atau ragu-ragu.

#### 4. Tugas Hakim Bahagian

##### 4.1 Tugas Hakim Hafaz dan Lancar (40 markah)

###### 4.1.1 Hafaz

4.1.1.1 Memastikan peserta menghafaz ayat-ayat daripada surah-surah yang ditentukan.

4.1.1.2 Mengawasi dan menilai keseluruhan bacaan peserta dari awal hingga akhir.

4.1.1.3 Bacaan peserta mengikut riwayat hafaz secara tadwir

4.1.1.4 Bacaan hendaklah mengikut lahjah Arab.

###### 4.1.2 Lancar

4.1.2.1 Kelancaran bacaan peserta.

4.1.2.2 Bacaan tidak berulang, tidak terhenti-henti dan tidak teragak-agak.

4.1.2.3 Menyambung ayat-ayat dengan betul, tidak tertinggal satu huruf, satu kalimah atau satu ayat.

4.1.2.4 Peserta menamatkan ayat-ayat yang telah ditentukan dalam masa lapan minit.

###### 4.1.3 Ciri – ciri kesalahan

Kesalahan yang diambil kira dalam bahagian hafaz dan lancar seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Pemetongan markah</b>
1	Bacaan berulang-ulang.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
2	Bacaan terhenti-henti.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
3	Bacaan teragak-agak.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
4	Bacaan tertinggal atau ditambah satu huruf atau salah baris.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
5	Bacaan tertinggal atau ditambah kalimah.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
6	Bacaan salah sambung.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah



7	Bacaan melangkau atau tersasul.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
8	Bukan bacaan tadwir diperingatkan, jika masih tidak mengikut bacaan tadwir.	Setiap kesalahan dipotong 3 markah
9	Gagal menghabiskan bacaan ayat setelah diperingatkan.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
10	Gagal membaca surah al-Fatihah.	Dipotong 4 markah
11	Gagal membaca setiap soalan.	Setiap kesalahan dipotong 15 markah
12	Bacaan tidak mengikut lahjah Arab.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

#### 4.2 Tugas Hakim Tajwid (30 markah)

##### 4.2.1 Hakim Tajwid mengawasi dan menilai perkara berikut :

4.2.1.1 Sebutan makhraj huruf dan sifatnya.

4.2.1.2 Menjaga hukum waqaf dan lbtida'.

4.2.1.3 Menjaga hukum-hukum mad

4.2.1.4 Ghunnah dengan kadar dua harkat.

4.2.1.5 Bacaan tadwir mengikut riwayat Hafaz.

##### 4.2.2 Cara pemarkahan

4.2.2.1 Markah akan dikira bagi peserta yang dapat membaca secara hafaz ayat-ayat lazim atau ayat-ayat dari surah yang dipilih dengan cara undi.

4.2.2.2 Setiap kesalahan tajwid dan fasahah dipotong 1 markah.

4.2.2.3 Setiap soalan yang gagal di baca dipotong 5 markah, empat soalan di potong 20 markah.

#### 4.3 Tugas Hakim Fasohah (20 markah)

##### 4.3.1 Fasohah dan Pengertiannya.

4.3.1.1 Fasohah ialah kesempurnaan tartil al-Quran.

4.3.1.2 Fasohah dalam bidang bacaan al-Quran adalah berbeza dari fasohah dalam bahasa Arab, kerana ianya lebih tinggi dan lebih kompleks penilaiannya.

4.3.1.3 Kefasihan membaca al-quran, bererti kesempurnaan bacaan yang dapat melahirkan seni bertajwid yang bertaraf mukjizat.

4.3.1.4. Oleh yang demikian ciri-ciri penilaian fasohah adalah memerlukan kepakaran dan kemahiran yang secukupnya.

##### 4.3.2 Tugas Hakim Bahagian Fasohah

4.3.2.1 Cermat dalam melafazkan kalimah-kalimah al-Quran.

4.3.2.2 Fasih dalam sebutan huruf-huruf al-Quran.

4.3.2.3 Terpelihara susunan kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran.

4.3.2.4 Kesempurnaan dan ketepatan wakaf Ibtida'.

4.3.2.5 Ketepatan membunyikan baris atas, baris bawah dan baris depan.

4.3.2.6 Kesederhanaan pada membunyikan huruf-huruf sukun dan huruf tasydid.

4.3.2.7 Kelancaran dan kelembutan pada membaca kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran.

4.3.2.8 Kesederhanaan dan keselarasan pada masa dan rentak bacaan tanpa bercampur aduk antara tartil dan tadwir.

##### 4.3.3 Ciri-ciri Keistimewaan Fasohah:

4.3.3.1 Bacaan berlahjah Arab.

4.3.3.2 Bacaan cermat.

4.3.3.3 Bacaan yang dapat mengikut kesesuaian ayat.

4.3.3.4 Memilih wakaf Jibril.

#### ***Perhatian***

***Ciri-ciri keistimewaan tersebut hendaklah ditentukan keselarasannya dalam satu perbincangan antara hakim-hakim berkenaan, sebelum Majlis Tilawah dijalankan.***

#### 4.3.4 Ciri-ciri kesalahan dalam bidang Fasahah:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kadar Pemotongan markah</b>
1	Meninggal atau melangkau ayat penuh.	Setiap kesalahan dipotong 3 markah
2	Menambah atau mengurang kalimat.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
3	Menambah atau mengurang huruf.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
4	Wakaf dan Ibtida' yang merosakkan maksud ayat.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
5	Bertukar baris yang merosakkan maksud ayat.	Setiap kesalahan dipotong 2 markah
6	Wakaf dan Ibtida' yang tidak tepat.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
7	Bertukar baris atau tidak tepat membunyikan baris.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
8	Bacaan yang tersekat atau teragak-agak.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah
9	Bacaan yang terputus nafas atau mencuri nafas.	Setiap kesalahan dipotong 1 markah

#### 4.4 Tugas Hakim Suara dan Gaya (10 markah)

##### 4.4.1 Mengawasi dan menilai perkara-perkara berikut :

4.3.1.1 Kemanisan dan kelembutan suara.

4.3.1.2 Suara bersih dan licin

4.3.1.3 Terang dan lantang.

4.3.1.4 Suara tidak berubah dari awal hingga akhir.

4.3.1.5 Gaya bacaan yang menarik.

##### 4.4.2 Cara Pemarkahan

4.4.2.1 Markah akan diberi kepada peserta-peserta yang mempunyai

kemerduan suara, bersih dan licin, terang dan lantang dan markah akan diberi lebih bagi suara yang amat merdu dan dapat menghidupkan rentak suara.

**Perhatian**

- i. Jika berpanjangan atau berulang pada tiap-tiap kesalahan tersebut maka hendaklah dipotong markahnya tidak melebihi 5 markah.
- ii. Jika berlaku persamaan markah hendaklah dirujuk pada markah hafaz dan lancar. Jika berlaku persamaan markah juga hendaklah dirujuk tajwid dan fasahah. Jika berlaku persamaan juga maka hakim hendaklah dipanggil bersidang. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.
- iii. Sebarang kekeliruan yang ditimbulkan dalam Majlis Tadarus al-Quran hendaklah dirujuk kepada Pengerusi Jemaah Hakim.

**Bahagian Hafaz dan lancar ( 40 markah )**

Giliran Peserta   
Lelaki / Perempuan  
Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Tarikh : \_\_\_\_\_  
Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan Kesalahan	Markah yang dipotong	Bonus ( 3 markah )
- Berulang-ulang (dipotong 1 markah)		36 37	1. Lancar berlahjah Arab 2. Ketenangan dalam menghafaz 3. Bacaan mengikut tadwir yang sebenar.
-Terhenti-henti (dipotong 1 markah)			
- Teragak-agak (dipotong 1 markah)		31 32 33 34 35	
- Tertinggal/tertambah huruf/salah baris (dipotong 1 markah)		26 27 28 29 30	
- Tertinggal/tertambah kalimah (dipotong 2 markah)		21 22 23 24 25	
- Salah sambungan (dipotong 2 markah)		16 17 18 19 20	
- Melangkau (dipotong 2 markah)		11 12 13 14 15	
- Bukan bacaan tadwir (dipotong 2 markah setelah diperingatkan)		06 07 08 09 10	
- Gagal menghabiskan bacaan Ayat yang ditentukan. (dipotong 1 markah)		01 02 03 04 05	
- Setiap 10 saat diulang satu kali. (dipotong 1 markah)			
- Bacaan yang tidak mengikut lahjah Arab (dipotong 1 markah)			

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah Bonus  Jumlah

Perhatian :

Markah yang dipotong mengikut kadar yang dipersetujui

.....  
( TANDATANGAN HAKIM )

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM )

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM )

**Bahagian Suara dan Gaya ( 10 markah )**

Giliran Peserta   
Lelaki / perempuan  
Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Tarikh : \_\_\_\_\_  
Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan	Markah diperolehi	Potongan	Markah Bonus (2 markah)
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelembutan suara</li> <li>- Suara licin dan bersih.</li> <li>- Suara terang, lantang dan nyata.</li> <li>- Suara tidak berubah.</li> <li>- Gaya bacaan mengikut lahjah arab ( dari mula Hingga akhir)</li> </ul>			6    7    8  1    2    3    4    5	Suara yang amat merdu

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah Bonus  Jumlah

Perhatian :

.....  
(TANDATANGAN HAKIM)

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM)

Markah yang lebih akan diberi pada suara yang lebih merdu dan dapat menghidupkan rentak-rentak suara.

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM)

**Bahagian Tajwid ( 30 markah )**

Giliran Peserta   
Lelaki / perempuan  
Kategori : BP (R) / BP (M) / BL (R) / BL (M)

Tarikh : \_\_\_\_\_  
Tempat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dihakimi	Catatan Kesalahan	Markah yang dipotong					Bonus ( 2 markah )
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Makhraj huruf dan sifatnya.</li> <li>- Hukum wakaf dan Ibtidak.</li> <li>- Hukum Tarqiq dan Tafkhim</li> <li>Hukum mad asli, mad badal, mad iwad, mad silah qasirah dan towilah, mad wajib muttasil, mad jaiz munfassil, mad lazim musaqqal kalimi dan harfi, mad faraq, mad arid lissukun kadar yang sama.</li> <li>- Ghunnah kadar 2 harkat.</li> <li>- Bacaan tadwir mengikut riwayat Hafas.</li> <li>- Hukum bacaan tajwid yang lain.</li> </ul>		26	27	28			<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Dapat menyempurnakan hafazan ayat dengan bertajwid dan sempurna.</li> <li>2. Sempurnakan sebutan huruf dan sifatnya.</li> </ul>
		21	22	23	24	25	
		16	17	18	19	20	
		11	12	13	14	15	
		06	07	08	09	10	
	01	02	03	04	05		

Markah penuh  Markah yang dipotong  Markah diperolehi  Markah Bonus  Jumlah

Perhatian :

Setiap soalan yang gagal dibaca atau disambung ayat /surah dipotong 10 markah.

.....  
( TANDATANGAN HAKIM )

.....  
( NAMA HAKIM )

.....  
( TANDATANGAN KETUA HAKIM )

.....  
( NAMA KETUA HAKIM )

**Bahagian Fasahah ( 20 markah )**

Giliran Peserta

Lelaki / perempuan

